

**NO. SOALAN: 277**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**  
**DARIPADA        :      DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**  
**[ BATU PAHAT ]**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa buah koperasi sekolah, jumlah modal terkumpul dan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai yang selari dengan matlamat koperasi sekolah ditubuhkan.

## **JAWAPAN:**

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memberi galakan kepada sekolah-sekolah untuk menubuhkan koperasi sekolah yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan dan keperluan kepada pelajar sekolah serta mewujudkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Sehingga 30 Jun 2016, terdapat 2,361 koperasi sekolah dengan modal syer berjumlah RM24.12 juta.

Kejayaan-kejayaan dapat dilihat melalui kemajuan kedai koperasi sekolah yang menyumbang kepada perolehan sebanyak RM245 juta dan mencatat keuntungan bernilai RM32.53 juta pada 30 Jun 2016. Ini menunjukkan bahawa gerakan koperasi sekolah semakin aktif dan mampu menceburi bidang perniagaan yang boleh mendatangkan pulangan kepada koperasi serta faedah kepada warga sekolah khususnya para pelajar.

Selain itu, program pembudayaan pelajar sekolah berkoperasi turut dipupuk dengan penglibatan mereka dalam mengendalikan pengurusan kedai koperasi yang melibatkan urusan pengurusan akaun dan pengurusan perniagaan secara berterusan. Antara aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah adalah seperti kedai runcit, kedai dobi, *homestay* dan kedai alat tulis. Khidmat nasihat dan bimbingan secara berterusan turut diberikan oleh SKM kepada koperasi sekolah bagi memastikan aktiviti yang dilaksanakan diurus dengan cekap dan profesional serta dapat meraih keuntungan secara konsisten. Kejayaan yang telah dicapai ini adalah selari dengan matlamat penubuhan koperasi sekolah.